

Tiga faktor boleh majukan Langkawi

BH - 4/4/2006

MENINGKATKAN kualiti perkhidmatan dan layanan terhadap pelancong serta mengurangkan kerenah birokrasi di jabatan kerajaan adalah antara faktor yang mampu memajukan pembangunan Langkawi, khususnya dalam sektor pelancongan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang juga Penasihat Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), berkata kakitangan kerajaan perlu memantapkan tugas masing-masing dengan memastikan proses permohonan yang berkaitan projek pembangunan tidak mengambil masa lama seperti dalam urusan pengeluaran lesen dan kelulusan tanah.

"Untuk memastikan kutipan cukai yang tinggi, semua industri perlu berjalan lancar. Tidak perlu kerenah dan masa memproses tidak boleh begitu panjang.

"Sistem penyampaian kita, orang kata lambat sikit sehingga menyebabkan urusan perniagaan terganggu yang menyebabkan pertambahan kos dan mengurangkan keuntungan peniaga, jadi cukai pun berkurangan," katanya pada ucapatama dialog.

Dialog anjuran Lada itu dihadiri kira-kira 300 peserta daripada ahli perniagaan, ejen pelancongan dan pemimpin setempat.

Beliau berkata, peniaga tidak akan berminat melabur di tempat yang mempunyai kerenah birokrasi yang tinggi.

"Kelulusan tanah, pengeluaran sijil layak menduduki (CF) dan kelulusan lain kadang-kadang mengambil masa terlalu panjang.

"Jika orang yakin perniagaan akan untung, mereka akan datang," katanya.

Selain itu, katanya, sektor pelancongan di Langkawi juga boleh dimajukan jika kualiti perkhidmatan dan layanan penduduk terhadap pelancong ditingkatkan.

"Belajarlah sepatah dua perkataan bahasa Inggeris supaya kita boleh menunjukkan kita boleh melayan pelancong dengan baik," katanya.

Beliau berkata, sektor pelancongan memberi banyak faedah kepada penduduk Langkawi sehingga taraf hidup penduduknya sudah meningkat.